

26 MAY 2002

Abim-Pope

ABIM SAMBUT BAIK PERSETUJUAN DR MAHATHIR JUMPA POPE JOHN PAUL

KUALA LUMPUR, 26 Mei (Bernama) -- Angkatan Belia Islam Malaysia (Abim) menyambut baik persetujuan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk berjumpa dengan Pope John Paul II.

Presiden Abim Ahmad Azam Abdul Rahman berkata pertemuan itu amat bermakna bagi menyelesaikan masalah dunia daripada perspektif dialog antara agama.

Pertemuan tersebut membolehkan pertukaran pendapat dibuat bagi membincangkan isu-isu yang dihadapi dunia, katanya kepada Bernama ketika dimaklumkan mengenai persetujuan Perdana Menteri untuk menerima undangan itu.

"Saya fikir ini sebagai suatu pengiktirafan terhadap suara Malaysia sebagai mewakili walaupun tidak semua negara Islam, tetapi suara yang dianggap penting oleh Pope John Paul," katanya.

"Kita berkeyakinan pertemuan tersebut untuk bertukar pandangan mengenai isu keganasan dan krisis yang sedang melanda terutama di Timur Tengah yang melibatkan tiga agama Samawi iaitu Yahudi, Kristian dan Islam," katanya.

Dr Mahathir memberitahu pemberita di Putrajaya hari ini bahawa beliau bersetuju menerima undangan itu.

Perdana Menteri tidak pula menyatakan tarikh pertemuan berkenaan tetapi ia dijangka diadakan di Vatican City bulan depan sempena lawatan beliau ke Switzerland dan Luxembourg.

Azam berkata perundingan dan dialog untuk menyelesaikan masalah amat bersesuaian dengan ajaran Islam.

-- BERNAMA

AZZ NM AKT ZB